

Info

Moratorium perlombongan bauksit

→ Dilaksanakan kali pertama sejak 15 Januari tahun lalu selama tiga bulan.
→ Pengeluaran permit eksport (AP) dibekukan sepanjang tempoh moratorium.

→ Moratorium sudah dilanjutkan tujuh kali sejak itu.
→ Sepanjang moratorium, semua stok simpanan bauksit di Pelabuhan Kuantan perlu dieksport.

11 individu ditahan kes stok bauksit tak habis

BH -15 8/8



Anggota SPRM membawa seorang pembantu Am Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Pahang ke Mahkamah Majistret Kuantan untuk ditahan reman.

→ SPRM dedah punca pengeluaran bertambah

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim, Nik Sukry Ramli dan Luqman Arif Abdul Karim
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Pembersihan stok simpanan bauksit yang tiada penghujung di Pahang, menjadi punca Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menjalankan siasatan terhadap isu mineral terbabit hingga membawa kepada penahanan 11 individu yang disyaki terbabit rasuah setakat ini.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Dzulkifli Ahmad, berkata tempoh moratorium yang bermula sejak Januari tahun lalu, sepatutnya membawa kepada pengakhiran pengeluaran stok mineral itu.

Pengeluaran bertambah

Katanya, SPRM mengambil tindakan menjalankan siasatan selepas pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkaitan alam sekitar mendedahkan wujud penyelewengan dan salah guna kuasa dalam aktiviti pe-

ngeluaran mineral terbabit.

“Memang ada moratorium, tetapi tempoh itu diberikan untuk menghabiskan stok yang ada, namun sebaliknya berlaku apabila pengeluaran bauksit semakin bertambah dan berlonggok di pusat pengumpulan.

“Kalau aktiviti ini berterusan, pelaksanaan moratorium sampai bila pun tidak berguna kalau pengeluaran stok bauksit tiada penghujung. Berdasarkan maklumat, kita menyiasat sebelum menahan individu berkaitan dalam isu bauksit,” katanya ketika hadir sebagai panel Forum Bicara BH di Balai Berita NSTP di sini, semalam.

Setakat semalam, SPRM sudah menahan 11 kakitangan kerajaan, termasuk seorang pegawai kanan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) kerana disyaki bersekongkol dalam kegiatan perlombongan bauksit secara haram di Kuantan, Pahang. Turut ditahan, 10 kakitangan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Pahang.

Tangkapan terbaru 12.05 tengah malam kelmarin, membabitkan seorang pembantu am rendah PTG yang disyaki menjadi tali barut kepada pengusaha lombong haram dipercayai menerima sogokan di antara RM200 hingga RM500 setiap kali membocorkan maklumat operasi penguatkuasaan.

Suspek berusia 33 tahun itu dipercayai sudah melakukan aktiviti berkenaan sejak beberapa bulan

lalu, bertujuan menggagalkan operasi Bahagian Penguat Kuasa PTG Pahang dengan menyalurkan setiap maklumat kepada pengusaha lombong bauksit haram di sekitar FELDA Bukit Goh dan FELDA Bukit Sagu, dekat sini.

Lelaki terbabit dikenakan tahanan reman selama tujuh hari, selepas Majistret Humairah KM Haidar meluluskan permohonan yang dikemukakan Timbalan Pendakwaraya SPRM, Mohamad Fadly Mohd Zamry di Mahkamah Majistret Kuantan, pagi semalam.

Ambil keterangan saksi

Sementara dalam perkembangan berasingan, Dzulkifli berkata, pihaknya akan mengambil keterangan beberapa saksi berhubung siasatan pembelian hotel oleh Fel-da Investment Corporation (FIC) di Kuching, Sarawak pada 2014.

“Kes ini pernah ditutup pada tahun 2014 kerana kekurangan bukti, bagaimanapun berdasarkan perkembangan terkini dan maklumat yang kita terima, kes ini disiasat semula. Terbaru beberapa individu penting akan dipanggil untuk diambil keterangan dalam tempoh terdekat,” katanya.

Dzulkifli turut menjelaskan, pihaknya menumpukan usaha membendung rasuah dalam kalangan agensi kerajaan dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) kerana mempunyai kepentingan kepada rakyat.